

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan insurans kemalangan diri **Pembantu Rumah Domestik**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu Pembantu Rumah Domestik?

Pembantu Rumah Domestik ialah pelan kemalangan diri yang menyediakan pampasan kepada pembantu rumah akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM)
1.	Kemalangan Diri a) Kematian b) Hilang upaya kekal c) Pembayaran balik bil perubatan (tertakluk kepada RM50 eksek) d) Faedah mingguan (maksimum 10 minggu)	15,000 Sehingga 15,000 Sehingga 500 105 seminggu
2.	Penghantaran pulang ke negara asal	Sehingga 4,000
3.	Kos pembedahan dan penginapan di hospital	Sehingga 2,000

Nota:

- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Polisi anda tidak melindungi:

- Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan membunuh diri;
- Dibawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Kompilasi penyakit venereal;
- AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- Rawatan yang timbul daripada kehamilan atau kelahiran anak;
- Mengambil bahagian dalam sukan atau hobi yang berbahaya;
- Mengambil bahagian dalam penerbangan atau lain-lain kegiatan udara selain daripada sebagai penumpang dalam pesawat udara yang dilesenkan sepenuhnya tetapi tidak sebagai salah seorang anak kapal
- Menunggang motosikal, atau basikal kayuh yang dibantu secara mekanikal (sama ada sebagai pemandu atau penumpang) untuk tujuan sukan, pameran, pertandingan atau perlumbaan;
- Apa-apa tindakan untuk pampasan yang dimulakan oleh mana-mana Mahkamah Undang-undang di mana-mana wilayah luar Malaysia;
- Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuclear dan tindakan keganasan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans kemalangan diri, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari <https://www.etiqa.com.my/kemalangan-diri>



Emel kepada
info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Pembantu Rumah Domestik, anda harus membayar premium tahunan sebanyak:

Premium Asas	RM 60.00
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:	
Komisen Dibayar Kepada Pengantara	25% daripada premium asas atau RM 15.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium asas atau RM 4.80
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM 74.80

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

4 Syarat Utama Lain

- Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan.
- Perlindungan insurans hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar premium (Bayaran Sebelum Perlindungan).
- Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

 Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.